

18/11/1997

NCWO, Hindu Sangam turut nyatakan pendirian

KUALA LUMPUR, Isnin - Majlis Kebangsaan Pertubuhan-Pertubuhan Wanita Malaysia (NCWO) dan Malaysia Hindu Sangam hari ini menyatakan sokongan mereka kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan barisan kepemimpinannya.

NCWO, yang mewakili 87 pertubuhan wanita di negara ini, memutuskan memberi sokongan padu kepada Perdana Menteri pada mesyuarat lembaga pengurus NCWO, Sabtu lalu.

Naib Yang Dipertua NCWO, Prof Datin Dr Sharifah Hapsah Syed Hasan Shahabudin, dalam kenyataannya juga menyifatkan tindakan ahli Kongres Amerika yang meminta Dr Mahathir meletakkan jawatan sebagai menghina rakyat dan kedaulatan negara.

Malaysia Hindu Sangam, yang mewakili masyarakat Hindujuga menyokong kepemimpinan dan perjuangan Dr Mahathir menjadikan Malaysia sebagai negara membangun di dunia.

(END)